

## **Sumbangan pengetahuan kandungan, daya kreativiti dan inovatif terhadap efikasi sendiri guru dalam pengajaran subjek ekonomi di Sabah**

### **ABSTRAK**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sumbangan langsung dan tidak langsung pemboleh ubah daya kreativiti dan inovatif dan pengetahuan konten ke atas efikasi sendiri guru subjek Ekonomi. Seramai 536 pelajar tingkatan enam di negeri Sabah telah terpilih dalam kajian ini dengan menggunakan pensampelan rawak mudah. Objektif kajian dijawab menggunakan kaedah kuantitatif bukan eksperimen. Teori PCK Shulman dan Teori Bandura menjadi sandaran utama untuk membina soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Perisian SPSS dan AMOS digunakan untuk menganalisis data dan laluan antara pemboleh ubah yang terpilih. Dapatan ujian regresi berganda membuktikan terdapatnya sumbangan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah yang diuji. Keputusan ujian analisis laluan juga membuktikan bahawa pengetahuan kandungan, daya kreativiti dan inovatif guru Ekonomi menunjukkan wujudnya pengaruh secara langsung dan tidak langsung ke atas tahap efikasi sendiri guru Ekonomi yang terlibat. Keputusan analisis kesepadanan model persamaan struktural (SEM) selepas modifikasi pula menunjukkan 83.6 peratus varians variabel bebas menyumbang terhadap efikasi sendiri guru Ekonomi. Keputusan ini menunjukkan terdapat kesesuaian kebolehpercayaan model pengukuran dalam model persamaan struktural (SEM) yang dihasilkan dalam kajian ini.